

Aktiviti Kawasan Rukun Tetangga Sebagai Tapak Integrasi

Lina Mastura Jusoh

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan
linamasturajusoh85@gmail.com

Zaleha Embong

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan
zaleha.e@umk.edu.my

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk iaitu Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Lazimnya negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk sering mengalami konflik. Namun begitu, Malaysia berada dalam keadaan aman dan ketegangan yang stabil. Oleh sebab itu, kerajaan mengambil inisiatif dengan menubuhkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi menguruskan masyarakat majmuk. Penubuhan KRT bertujuan untuk memelihara, menambah baik, dan memperkukuh perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. KRT dilihat sebagai agen perdamaian kerana aktiviti yang dianjurkan dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, KRT dianggap sebagai tapak integrasi kerana menjadi titik pertemuan dalam kalangan masyarakat majmuk. Maka, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan KRT sebagai tapak integrasi dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual mendalam dan analisis data menggunakan kaedah tematik. Hasil dapatan mendapati aktiviti yang dijalankan di KRT dapat membina keharmonian dalam kalangan penduduk seperti sambutan kemerdekaan, sukan, bantuan kemanusiaan, aktiviti kanak-kanak, dan Skim Rondaan Sukarela (SRS). Artikel ini menunjukkan bahawa KRT bertindak sebagai tapak integrasi melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan apabila menjadi titik pertemuan masyarakat setempat.

Kata Kunci: Kawasan Rukun Tetangga, Tapak Integrasi, Stable Tension, Masyarakat Kepelbagaian, Kesepaduan Sosial.

ABSTRACT

Malaysia is a country composed of plural societies, namely the Malays, Chinese, Indians, and others. Usually, countries that consist of plural societies are often experienced conflict. Nevertheless, Malaysia is in a state of peace and stable tension. For this reason, the government has taken the initiative by establishing Kawasan Rukun Tetangga (KRT) through the Department of National Unity and National Integration (JPNIN) to manage pluralistic communities. The establishment of the KRT aims to preserve, improve, and strengthen the unity of the people and national integration in line with the national development policies based on the Federal Constitution and the Rukun Negara. The KRT is seen as an agent of reconciliation because the activities it organizes can foster the spirit of cooperation and help each other in a pluralistic society. Therefore, KRT is considered a site of integration because it is a meeting point among plural societies. Therefore, this article aims to identify the role of the KRT as a site of integration among plural societies in Malaysia. This article uses qualitative methods, which are in-depth interviews and data analysis using thematic methods. The results found that the activities carried out in KRT can build harmony among residents such as independence celebrations, sports, humanitarian aid, children's activities, and the Skim Rondaan Sukarela

(SRS). This article shows that KRT acts as a site of integration through community activities that are carried out when it becomes a point of contact for the local community

Keywords: Neighbourhood, Site of Integration, Stable Tension, Plural Societies, Social Unity

PENGENALAN

Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada masyarakat kepelbagaian dengan keunikan tersendiri. Kepelbagaianya dilihat melalui perbezaan etnik, agama, budaya, bahasa dan lain-lain. Terdapat tiga kaum terbesar di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India dan bumiputera lain di Sarawak dan Sabah (Solahuddin Abdul Hamid et al. 2019). Usaha untuk memupuk dan mengukuhkan hubungan antara etnik ke arah perpaduan yang diidamkan sentiasa ditekankan dalam agenda pembangunan negara bangsa Malaysia (PERPADUAN & KITA, 2019; Alatas, 1971). Maka, perlu difahami bagaimana cara membentuk semangat perpaduan dan integrasi antara masyarakat yang mempunyai latar belakang yang pelbagai (Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ateerah Abdul Razak, 2021).

Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial sering terdedah kepada konflik. Hal ini boleh menimbulkan isu seperti diskriminasi, pergaduhan, peperangan, penindasan dan sebagainya. Oleh sebab itu, kesepaduan sosial memainkan peranan penting untuk mencapai keharmonian dalam masyarakat majmuk. Malaysia sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk (Zaleha Embong, 2022). Walau bagaimanapun, Malaysia masih dapat mengekalkan kestabilan sosial dan keharmonian walaupun masih berada pada tahap *stable tension* (Shamsul Amri, 2008). Kesepaduan sosial yang dikecapi pada hari ini memerlukan hubungan yang berpaksikan toleransi dan saling menghormati yang akan membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu (Zaleha Embong, 2022)

Antara ciri-ciri tapak integrasi adalah berkaitan dengan satu ruang sosial sama ada abstrak dan nyata. Hal ini juga menjadi titik pertemuan antara pelbagai kelompok dan berlaku prinsip tawar-menawar (*bargaining*), perundingan (*negotiation*) dan pengantaraan (*mediation*). Selain itu, tapak integrasi juga terhasil daripada perbincangan mengikut acuan Perlembagaan Persekutuan yang menghasilkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia (Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ateerah Abdul Razak dlm. Nur Azuki Yusuff, 2021).

KAWASAN RUKUN TETANGGA

Pada 1975, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dilancarkan dengan matlamat khusus untuk menjaga keselamatan dan memupuk perpaduan etnik di peringkat akar umbi masyarakat. KRT merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk mengadakan program bagi mengurus masyarakat majmuk (JPNIN, 2013). Penubuhan KRT merupakan suatu langkah yang membolehkan rakyat mengawal dan menjaga keselamatan kediaman mereka ekoran beberapa kejadian yang mengancam keselamatan negara pada awalnya. Kawasan-kawasan perumahan yang melaksanakan program SRT dipanggil Kawasan Rukun Tetangga (KRT). KRT merujuk kepada kawasan-kawasan perumahan yang melaksanakan skim ini (Zaleha Embong et al., 2020).

Zaleha Embong et al. (2020) juga menyatakan bahawa KRT yang dilaksanakan sejak tahun 1975 sehingga kini didapati memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Malah hubungan antara penduduk semakin baik dengan adanya KRT di suatu kawasan. Walaupun terdapat hubungan penduduk di sesuatu tempat tanpa penubuhan KRT, tetapi penubuhan KRT menjadi suatu mekanisme bagi mengekalkan hubungan dalam aktiviti yang sedia ada. Menurut

JPNIN (2022), konsep KRT mengalami fasa perubahan selaras dengan peredaran semasa sosio ekonomi negara seperti konsep keselamatan, kejiranan, pembangunan komuniti dan model transformasi Rukun Tetangga.

KRT berperanan sebagai agen pendamai kerana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu dalam masyarakat majmuk (Afriva Khaidir, 2010). Penubuhan KRT diberi keutamaan di kawasan-kawasan bandar, pinggir bandar dan kawasan yang berisiko tinggi (JPNIN, 2012). Kawasan-kawasan perumahan yang ingin membuat permohonan untuk menubuhkan KRT perlu mempunyai sekurang-kurangnya 5000 ahli penduduk di kawasan tersebut. Penetapan KRT dilakukan oleh ketua pengarah JPNIN seperti yang termaktub dalam Seksyen 5, Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) (Kerajaan Malaysia, 2012).

KRT merupakan sebuah organisasi sosial yang bertujuan mengurus masyarakat setempat dari peringkat akar umbi. Menurut Basri Ibrahim (2001), masyarakat memerlukan sesebuah organisasi yang teratur bagi mencapai matlamat tertentu. Pergerakan yang teratur di bawah satu organisasi yang tersusun rapi dan sistematik adalah penting dalam menjayakan perancangan yang telah diatur. Organisasi jawatankuasa KRT terdiri daripada seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, seorang Bendahari dan Setiausaha serta Penolong Setiausaha bersama sekurang-kurangnya dua puluh anggota KRT. Di bawah Kelompok Komuniti pula terdapat Jiran Wanita, Jiran Muda, Tunas Jiran dan Jiran Usia (JPNIN, 2022).

Jiran Wanita merupakan salah satu cawangan di bawah Jawatankuasa KRT yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti khususnya bagi Wanita di KRT. Jiran Muda pula ditubuhkan untuk menarik golongan muda terlibat dalam aktiviti kejiranan dan pembangunan komuniti disamping mewujudkan interaksi di antara rakan sebaya dan komuniti setempat. Manakala Tunas Jiran pula terdiri daripada kanak-kanak peringkat TABIKA sehingga sekolah rendah yang terlibat dengan aktiviti yang bersesuaian. Selain itu, Jiran Usia Emas pula merupakan golongan berusia yang menjalankan aktiviti kejiranan yang memberikan peluang kepada mereka untuk menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat.

Program KRT sebenarnya hampir sama dengan konsep program Neighbourhood Watch di United Kingdom dan Tonarigumi di Jepun. Program ini bertujuan menggalakkan penyertaan masyarakat untuk mewujudkan perpaduan dan memerangi jenayah serta keganasan di kawasan kejiranan secara kolektif (Neighbourhood Watch London, 2009). Berdasarkan Seksyen 7, Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751), masyarakat KRT akan mengadakan mesyuarat untuk melantik AJK dalam kalangan penduduk tetap atau pemastautin di kawasan tersebut. AJK yang dilantik ditugaskan untuk mentadbir dan merancang pelbagai aktiviti untuk meningkatkan perpaduan dalam masyarakat majmuk.

TAPAK INTEGRASI

Integrasi dalam masyarakat khususnya terdiri daripada masyarakat majmuk menjadi agenda penting dalam menyampaikan mesej perpaduan dan kedamaian manusia khususnya di Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang etnik (Abang Mohd Razif Abang Muis et al., 2021). Integrasi di Malaysia merupakan suatu proses berterusan bagi mewujudkan satu identiti kebangsaan dalam kalangan masyarakat majmuk dan terpisah daripada aspek budaya, agama, sosial dan kawasan penempatan. Hal ini dipupuk menerusi integrasi politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan wilayah (Baharuddin, 2012; Ramli, 2015). Walau bagaimanapun, proses ke arah mencapai sebuah masyarakat yang berintegrasi bukan suatu perkara yang mudah

dan mampu dicapai dalam tempoh yang singkat kerana integrasi merupakan suatu perkara yang kompleks (Muhammad Safuan et al, 2017).

Secara umumnya, tapak integrasi didefinisikan sebagai satu ruang abstrak dan fizikal yang menemukan pelbagai pihak berkepentingan untuk bersama-sama mencari penyelesaian. Tapak integrasi ialah medium yang dinamik bagi menguruskan pertelingkahan dan perselisihan faham yang wujud dalam komuniti. Usaha penyatupaduan masyarakat memerlukan pembinaan dan pengukuhan tapak integrasi secara berterusan (JPNIN, 2021). Kartini Aboo Talib@Khalid & Shamsul Amri (2020) pula mendefinisikan tapak integrasi sebagai titik pertemuan yang menghubungkan ruang-ruang yang terpisah kepada suatu bentuk perkongsian bersama sebuah ruang sosial yang abstrak kepada bentuk fizikal yang melibatkan individu, keluarga dan komuniti dalam masyarakat.

Menurut Shamsul Amri (2008), KRT dtubuhkan untuk memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Hal ini jelas dilihat berdasarkan peranan yang dimainkan oleh RT sejak penubuhannya hingga kini, peranan KRT tetap sama dalam konteks meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat walaupun sepanjang penubuhannya berbagai pendekatan diperkenalkan dari pendekatan memelihara keselamatan hinggalah pembangunan komuniti yang menjurus ke arah matlamat perpaduan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan temu bual secara mendalam. Seterusnya data dianalisis secara tematik. Responden dipilih menggunakan kaedah *purposive sampling* daripada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa (AJK) KRT di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang dari setiap negeri di Malaysia.

HASIL DAPATAN

Temu bual telah dijalankan ke atas Pengerusi dan AJK KRT yang aktif di Semenanjung Malaysia. Dari segi komposisi kaum, kajian ini telah menemu bual Pengerusi KRT kaum Melayu, Cina, India dan Siam.

Berdasarkan hasil temu bual ke atas Pengerusi dan AJK KRT, terdapat beberapa aktiviti telah giat dijalankan dilihat mampu mengeratkan hubungan keharmonian dan kerjasama yang baik antara penduduk KRT. Antaranya ialah:

Gotong-royong

Hasil dapatan kajian mendapati aktiviti gotong-royong merupakan aktiviti utama yang mengeratkan hubungan baik antara penduduk pelbagai kaum di KRT. Kebiasaannya, aktiviti gotong-royong utama bagi masyarakat KRT adalah memberih kawasan perumahan.

Jadual 1: Contoh Gotong-Royong dalam KRT

Subtema	Pernyataan Pengerusi KRT
Gotong-royong	“Kita ada gotong-royong. Kalau kita buat, secondary school pun beri kerjasama bantu bersihkan. (P1)” “Selalunya kita akan buat gotong-royong membersih kawasan perumahan.” (P2)

	<p><i>“Kita selalu buat merewang secara bergotong-royong dan membersihkan kawasan kampung.” (P3)</i></p> <p><i>“Biasanya kita ada gotong-royong masak-masak..(P4)”</i></p>
--	--

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat KRT memberi kerjasama dalam aktiviti gotong-royong yang dianjurkan. Selain aktiviti membersihkan kawasan perumahan, acara rewang memasak bagi sesuatu majlis juga sering diadakan di KRT. Walau bagaimanapun bagi segelintir KRT, aktiviti ini semakin kurang mendapat sambutan daripada golongan muda kerana mereka lebih gemar menghabiskan masa lapang dengan aktiviti di luar.

Gotong-royong adalah amalan yang baik dalam memupuk kesepaduan sosial dikalangan penduduk di komuniti kejiranan. Antara aktiviti gotong-royong yang boleh dianjurkan seperti menjaga kebersihan awam seperti masjid, pusat komuniti, pembersihan longkang, pembaikan rumah atau jambatan akibat bencana alam seperti banjir, ribut dan kebakaran. Aktiviti tersebut dapat menyatukan penduduk setempat dengan tujuan baik seperti menjaga kebersihan, melindungi alam sekitar, membantu jiran-jiran dan lain-lain (Mohd Syarifudin Abdullah et al. (2020). Oleh kerana itu, Ibnu Khaldun (1993) berpandangan bahawa toleransi wujud dalam bentuk kerjasama dan keperluan berorganisasi. Hal ini kerana manusia perlu berinteraksi bagi memenuhi keperluan bersama. Lantaran itu, peringkat akomodasi penting agar masyarakat kepelbagaian saling menghormati norma dan nilai kumpulan etnik lain.

Aktiviti Sukan dan Rekreasi

Aktiviti kesukanan merupakan salah satu aktiviti yang mengeratkan hubungan antara penduduk KRT daripada pelbagai kaum. Aktiviti sukan merupakan aktiviti yang paling digemari oleh masyarakat. Oleh sebab itu, pelbagai acara sukan dirangka oleh jawatankuasa KRT bagi menarik minat masyarakat terutama Jiran Muda.

Jadual 2: Contoh Aktiviti Sukan dan Rekreasi

Subtema	Pernyataan Pengerusi KRT
Sukan dan Rekreasi	<p><i>“Sebelum pandemik, kita ada anjur aktiviti bola sepak. Jadi, ramai berbilang kaum join, pekerja asing pun join sekali. I dapat respond yang baik, diorang request suruh I buat lagi tahun depan. Kita ada satu kelab iaitu football club.” (P1)</i></p> <p><i>“Pembukaan gym untuk tarik golongan belia, sebab golongan belia suka pergi”(P2)</i></p> <p><i>“Bulan 11 ni kita ada program besar-besaran hiking (mendaki) bukit Gunung diperingkat Kebangsaan. Program terbuka kepada penduduk Gunung dan terbuka kepada orang luar.” (P3)</i></p>

Aktiviti kesukanan mendapat sambutan yang tinggi daripada penduduk KRT misalnya bola sepak, gym dan mendaki bukit di perkampungan setempat. Aktiviti sukan bukan hanya melibatkan warga tempatan malah turut disertai oleh penduduk warga asing. Manakala pembukaan pusat rekreasi seperti gym adalah bagi menarik golongan belia untuk beriadah.

Dalam hal ini, AJK KRT telah berusaha mencari tajaan untuk mendapatkan dana bagi menampung kos aktiviti yang akan dilaksanakan. Usaha ini menunjukkan sikap tanggungjawab dan kesungguhan AJK KRT dalam menggalakkan Jiran Muda terlibat dalam aktiviti bermanfaat. Aktiviti-aktiviti sukan ini dilihat dapat membina sikap saling menghormati dalam kalangan Jiran Muda. Hal ini seiring bertepatan dengan pandangan Forest (2001) bahawa

hubungan kejiwaan boleh membina kepercayaan dan sikap menghormati khususnya dalam kalangan golongan muda. Che Bakar Che Mat et al. (2007) turut berpandangan bahawa sikap menghormati dapat mewujudkan masyarakat yang Bersatu padu dan harmoni.

Sambutan Perayaan

Sambutan perayaan merupakan aktiviti tahunan KRT yang melibatkan semua kaum saling ziarah-menziarah satu sama lain. Rumah terbuka perayaan menjadi suatu sambutan utama setiap KRT.

Jadual 3: Contoh Sambutan Perayaan

Subtema	Pernyataan Pengerusi KRT
Sambutan Perayaan	<p>“Selalunya setiap tahun semua perayaan kita buat..”(P1)</p> <p>“Semua raya kita buat.”(P2)</p> <p>“Kita buat bantuan makanan perayaan.”(P3)</p> <p>“Biasanya kita buat jamuan raya, semua perayaan kita buat.”(P4)</p>

Pengerusi KRT menyatakan bahawa perayaan semua kaum diraikan setiap tahun. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sambutan perayaan semua kaum merupakan aktiviti tahunan KRT. Antara aktiviti perayaan yang dilakukan adalah sambutan Hari Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Korban, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas. Bagi sambutan perayaan ini, masyarakat KRT turut saling membantu menghulurkan sumbangan kewangan dan barangan keperluan. Malah mereka saling meluang masa bergotong royong menyediakan juadah makanan untuk para tetamu yang hadir. Aktiviti gotong-royong bagi sambutan perayaan mendapat kerjasama yang baik dalam kalangan masyarakat majmuk.

Kepelbagaian aktiviti penduduk dapat dilihat melalui sambutan perayaan samada perayaan untuk etnik Muslim, Hindu, Buddha, Kristian dan sebagainya. Kesemua etnik akan bergotong-royong untuk menyambut perayaan tersebut. Setiap kali musim perayaan, aktiviti kunjung mengunjung akan dilakukan dari rumah ke rumah tanpa mengira etnik dan keturunan (Norfaezah Mohd Hamidin & Hasliza Talib, 2018).

Skim Rondaan Sukarela (SRS)

Konsep rasa ‘selamat’ dikalangan komuniti merupakan sumbangan utama dalam merangka strategi pencegahan jenayah dan menangani keselamatan awam di Malaysia. Hal ini membantu komuniti memahami dan menginterpretasi masalah harian yang dihadapi dan dilaksanakan melalui keterlibatan secara aktif dalam organisasi sukarelawan keselamatan komuniti sehingga menghasilkan budaya pemerkasaan pencegahan jenayah. Konsep ini dilaksanakan melalui penyertaan secara aktif dalam aktiviti pencegahan jenayah diperingkat komuniti melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS) (Norwahidah Zainalibdin & Novel Lyndon, 2016). SRS merupakan antara aktiviti utama pencegahan jenayah dikalangan komuniti KRT di Malaysia. SRS melalui penubuhan Rukun Tetangga telah dipilih sebagai salah satu organisasi sukarelawan keselamatan komuniti yang terlibat dalam Program Transformasi Kerajaan menerusi Inisiatif Mengurangkan Jenayah (NKRA) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Program Bandar Selamat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Jadual 4: Contoh Skim Rondaan Sukarela

Subtema	Pernyataan Pengerusi KRT
Skim Rondaan Sukarela	<p>“Biasa ada tiap-tiap tahun, tiap-tiap bulan. kami ada rondaan kawasan...” (P1)</p>

	<p><i>“Kita ada buat rondaan dengan polis. Semua rondaan perlu dilakukan dengan kerjasama polis. So, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) turunkan arahan semua balai polis perlu lakukan rondaan.” (P2)</i></p> <p><i>“Kita ada buat rondaan, adakala AJK wanita pun turut bersama dalam rondaan.” (P3)</i></p>
--	---

Hasil dapatan kajian menunjukkan salah satu acara paling popular yang diadakan secara kerap di KRT ialah program keselamatan yang dilaksanakan melalui SRS. Dalam program ini, terdapat KRT yang menjalankan rondaan dengan kerjasama pihak polis. Selain itu, terdapat juga AJK KRT wanita yang turut terlibat dalam SRS. Hal ini menunjukkan bahawa setiap unit SRS menyumbang kepada keamanan dan keselamatan bagi penduduk yang mendiami kawasan kejiranan (Mohd Syarifudin Abdullah et al., 2020). Sekaligus, Norwahida et al. (2016) mendapati bahawa kadar jenayah telah berjaya dikurangkan dengan mewujudkan projek inovasi pencegahan jenayah oleh komuniti KRT.

Sambutan Hari Kemerdekaan

Sambutan kemerdekaan juga merupakan salah satu aktiviti utama tahunan yang dijalankan oleh KRT di Malaysia. Hasil kajian mendapati KRT menganjurkan sambutan kemerdekaan melalui perarakan, mengibarkan jalur gemilang dan sukaneka serta aktiviti kanak-kanak seperti pertandingan melukis dan mewarna.

Jadual 5: Contoh Sambutan Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan

Subtema	Pernyataan Pengerusi KRT
Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan	<p><i>“Selalunya ada sambutan hari merdeka”. (P1)</i></p> <p><i>“Biasanya kami akan panggil KRT jiran untuk sambutan kemerdekaan memandangkan mereka tiada kemudahan tempat.” (P2)</i></p> <p><i>“Hari kemerdekaan nanti kita ada perarakan terbuka bersama komuniti di sini.” (P3)</i></p> <p><i>“Untuk sambutan kemerdekaan kita juga pertandingan mewarna jalur gemilang dikalangan kanak-kanak.” (P4)</i></p>

Sambutan hari kemerdekaan merupakan aktiviti tahunan bagi semua KRT di Malaysia. Kebiasaannya, KRT yang mempunyai kemudahan dewan aktiviti masyarakat akan bekerjasama dengan KRT jiran yang tidak mempunyai kemudahan prasarana tersebut. Program kemerdekaan dan Hari Kebangsaan wajar terus diadakan bagi memastikan masyarakat kepelbagaian terus bersatu padu. Matlamat utama aktiviti Hari Kemerdekaan adalah untuk meningkatkan rasa cintakan negara dan mengukuhkan semangat patriotic di kalangan masyarakat setempat (JPNIN, 2019).

Kesenian dan Kebudayaan

Aktiviti kesenian dan kebudayaan biasanya dilakukan Ketika meraikan majlis-majlis tertentu seperti hari kebudayaan, kelab seni tari, kedatangan tetamu tujuan lawatan, sambutan perayaan dan sebagainya.

Jadual 6: Contoh Kesenian dan Kebudayaan

Subtema	Pernyataan Pengerusi KRT
Kesenian dan Kebudayaan	<i>“Kat sini petang-petang ada aunty-aunty datang buat senaman menari. Saya pernah buat contest senaman menari untuk semua penduduk area Tangkak untuk tukar-tukar fikiran, cara-cara memahami tarian budaya lain.” (P1). “Kita ada kelas tarian, saya sendiri yang ajar.” (P2)</i>

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa dalam aktiviti ini wujud prinsip toleransi apabila masyarakat saling menghormati adat dan kebudayaan etnik lain. Aktiviti ini dilakukan bagi memberi pendedahan serta memperkenalkan tentang kepelbagaian etnik, budaya dan adat kepada masyarakat. Menurut Airen Surayya, Tan, Noor Banu (2021), meskipun setiap kaum mempunyai pegangan dan prinsip yang melambangkan identiti masing-masing, kefahaman pelbagai budaya dan agama telah membantu komuniti ini untuk saling menghormati dan saling bertolak ansur dalam menerima kepelbagaian antara kaum. Oleh sebab itu, Putnam (1993, 1995) berpandangan bahawa penglibatan masyarakat dalam institusi sosial berpotensi membina ruang sosial dan memupuk budaya kerjasama dalam masyarakat kepelbagaian.

PERBINCANGAN

Pelaksanaan aktiviti berfungsi untuk menghubungkan interaksi dan persefahaman dalam kalangan penduduk KRT. Temu bual ini dilakukan terhadap Pengerusi dan AJK KRT tentang aktiviti yang dilaksanakan di KRT yang mengeratkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan penduduk KRT. Dapatan kajian mendapati bahawa hubungan antara penduduk semakin bertambah baik dengan adanya aktiviti-aktiviti di KRT. Menurut Ahmad Zainuddin et al. (2016), aktiviti yang dilakukan bersama seperti yang terdapat dalam KRT merupakan satu indikator kepada tahap kesejahteraan penduduk di KRT.

Rajah 1: Aktiviti KRT Sebagai Tapak Integrasi



Kerjasama yang wujud antara penduduk ketika melakukan aktiviti gotong-royong, sukan dan rekreasi, sambutan perayaan, SRS, sambutan hari kemerdekaan dan Hari Kebangsaan serta kesenian dan kebudayaan telah mewujudkan hubungan kerjasama yang baik dalam masyarakat KRT. Selain itu, kesanggupan masyarakat mengorbankan masa merupakan bukti bahawa integrasi wujud di KRT.

Menurut Sanusi (1985), semangat kejiwaan sebenarnya wujud, tetapi dalam keadaan tersembunyi. Hal ini dilihat daripada pelbagai aspek seperti kewujudan hubungan baik di kalangan jiran, tidak ada -prasangka antara satu sama lain dan kesediaan membantu jiran-jiran semasa kecemasan.

KESIMPULAN

KRT merupakan mekanisme penting dalam membentuk kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat kepelbagaian di Malaysia. Maka, KRT boleh dianggap sebagai Tapak Integrasi kerana menjadi titik pertemuan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dilihat telah memupuk sifat saling membantu. Usaha kerajaan dalam menyatupadukan masyarakat melalui pelaksanaan program bersifat meraikan kepelbagaian telah mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai latar belakang yang tinggal di KRT di seluruh negara. Maka, kedua-dua aspek kesepaduan sosial dan etos bangsa perlu digerakkan dalam setiap langkah kerajaan dalam memupuk perpaduan diperingkat akar umbi masyarakat, terutamanya menerusi program KRT yang meraikan masyarakat kepelbagaian di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil daripada geran penyelidikan. Jutaan terima kasih ditujukan khas untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah menaja penyelidikan ini dibawah *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS), Grant No: FRGS/1/2020/SS0/UMK/02/3, Fasa 1, bagi tahun 2020.

RUJUKAN

- Alatas, S. H. (1971). Rukunegara. *Pacific Community*, 2(1-4), 800-808.
- Ateerah Abd. Razak, Nur Azuki Yusuff & Zaleha Embong (2021). Penghayatan Etika dan Peradaban. Universiti Malaysia Kelantan.
- Basri Ibrahim (2001). *Sistem Pentadbiran dan Organisasi dalam Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ibnu Khaldun (1993). *Mukaddimah Ibn Khaldun* (Ter. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) & Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. (2019). *Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional, 2018*. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2022). Diakses pada 10 April 2022 daripada <https://www.jpnn.gov.my/ms/komuniti/rukun-tetangga>
- Mohd Syarifudin Abdullah et al. (2020). Penubuhan Rukun Tetangga (RT) di Malaysia daripada Perspektif Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 6(1), 99-111.
- Norfaezah Mohd Hamidin & Hasliza Talib (2018). Kesepaduan Sosiobudaya Dalam Kepelbagaian Masyarakat Majmuk. *JAUHAR: JILID 3: BIL. 1*
- Putnam, R. D. (1993). *Making Democracy Work, Civic Traditions in Modern Italy*. Princeton: Princeton University Press.
- Putnam, R. D. (1995). Tuning In, Tuning Out: The Strange Disappearance of Social Capital in Amerika. *PS: Politic Science & Politics*, 28 (4), 664-683.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara.
- Zaleha Embong et al. (2020). *Pengaruh Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Dalam Pembangunan Komuniti Terhadap Taraf Sosioekonomi Masyarakat Kawasan Rukun Tetangga di Kelantan*. Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek, Universiti Malaysia Kelantan.